

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KONGRES EKONOMI ISLAM YANG KEDUA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 7^{HB} APRIL, 1972

Y.B. Encik Ghafar, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif Terhormat,
Saudara-saudara sekalian,

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wataala kerana dengan taufik dan hidayah Nya kita sekalian dapat hadir bersama-sama dalam Kongres Ekonomi Islam yang kedua kali diadakan di negara kita.

Bagi pihak Kerajaan, saya bersama-sama mengalu-alukan kedatangan saudara-saudara para peserta dari jauh dan dekat, dan berharap semuga dengan kehadiran saudara-saudara di sini dapatlah kita bersama-sama membincangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan orang-orang kita kaum Bumiputra.

Kongres ini, pada hemat saya, kena dengan tempat dan masanya, iaitu ketika kita sedang memasuki tahun kedua melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Tidak syak lagi, pendapat-pendapat dan kesimpulan dari Kongres ini amat besar munafaatnya kepada Kerajaan dalam masa kita meninjau kemajuan-kemajuan yang telah dicapai setakat ini untuk memperbaiki serta melicinkan lagi jentera pembangunan bagi masa dua tiga tahun akan datang kelak.

Maka dengan itu, saya sesungguhnya berterimakasih kepada pihak penyelenggara Kongres ini khasnya Y.B. Encik Ghafar, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana memberi saya kesempatan merasmikan Kongres Ekonomi Islam ini.

Tujuan utama kita mengadakan Kongres ini ialah supaya pihak yang berkenaan dapat bersama-sama memikirkan cara-cara yang sesuai untuk melicinkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Saya sedar bahawa semenjak Kerajaan menegaskan ilmu sains dan teknologi dari kedua-dua segi pelajaran dan amalan, seperti yang dinyatakan dalam Rukunegara, telah pun timbul berbagai

pendapat daripada sebahagian alim ulama kita mengenai hal ini. Antara lain-lain pendapat-pendapat yang disuarakan oleh alim ulama dan juga orang-orang lain membayangkan rasa bimbang atas akibat buruk daripada kemajuan kebendaan dan menggesa supaya perkara-perkara perancang berikhtiar memelihara kepentingan-kepentingan rohani dalam projek-projek pembangunan yang menitek-beratkan sains dan teknologi.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi rancangan-rancangan pembangunan yang berjalan sekarang supaya membawa hasil yang tinggi bukan hanya untuk kemajuan ekonomi dan kebendaan tetapi juga diseimbangkan dengan kepentingan rohani. Tegasnya, kita menggunakan sains dan teknologi dengan tujuan supaya penghasilan projek-projek pembangunan seluruhnya memenuhi kepentingan manusia dalam segala aspek kehidupan mereka sehari-hari.

Tidak siapa boleh menafikan bahawa pengetahuan sains dan teknologi boleh membawa perubahan kepada sikap rakyat yang akan menerima pembaharuan hidup berikutan dengan proses pembangunan dan modernization itu. Ini juga bererti betapa mustahaknya kita melengkapkan anggota-anggota penggerak perubahan itu baik pakar-pakar mahu pun pekerja-pekerja dengan pengetahuan dan nilai-nilai ugama—tegasnya kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Kuasa.

Dalam menjalankan tugas, mereka dikehendaki bekerja sebagai satu pasukan supaya pembaruan-pembaruan yang dibawa menerusi projek-projek pembangunan itu akan betul-betul memberi munafaat kepada pihak yang menerimanya. Oleh sebab itu, mereka dikehendaki mengetahui benar-benar cara berfikir dan cara-cara hidup golongan yang menerima supaya hasil-hasil perubahan daripada pengetahuan sains dan teknologi ini akan betul-betul berkhidmat untuk kepentingan manusia dan tidak menyebabkan mereka lebih lagi rakyat jelata di kampung-kampung teraniaya atau menjadi mangsa kepada perbuatan manusia sendiri.

Kita sungguh bertuah kerana negara kita mempunyai golongan bijak pandai daripada ahli-ahli sains masyarakat dan alim ulama yang telah menyumbangkan pendapat serta buah-buah fikiran bagi kemajuan ekonomi dan sosial yang perlu diseimbangkan dengan kepentingan ugama dan rohani. Saya suka menyeru pihak yang terlalu menekankan kemajuan ekonomi kebendaan supaya jangan membelakangkan pandangan-pandangan dari alim ulama

dalam masaalah-masaalah yang bersangkutan dengan kemajuan-kemajuan kebendaan. Di samping itu juga saya berharap supaya alim ulama kita, terutama saudara-saudara yang hadir di Kongres ini, akan menaruh perhatian dan memahami akan keadaan persaingan dan pergolakan dalam bidang ekonomi serta pembangunan perindustrian di negara kita ini dan dengan demikian boleh memberikan pandangan-pandangan yang berguna.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana biasa dalam apa jua yang kita buat, termasuk proses pembangunan, kita tidak sunyi dari menghadapi masaalah. Dalam usaha kita menuju kemajuan, masaalah yang dihadapi bukanlah mengenai prinsip memperimbangkan kedua-dua nilai mengenai kebendaan dan kerohanian kerana hakikat ini telah diterima oleh masyarakat. Masaalah yang dihadapi ialah mencari jalan yang sebaik-baiknya dan cara yang sesuai bagaimana kedua-dua nilai ini hendak dicapai dengan jayanya.

Kita semua maklum, masaalah pelaksanaan ini melibatkan sikap manusia. Kesemua pihak yang terlibat sama ada yang menentukan dasar, pentadbiran-pentadbiran, pakar-pakar projek hingga kepada pihak penerima iaitu rakyat jelata mempunyai pendapat dan perasaan masing-masing. Satu golongan ini tidak terkecuali daripada yang lazim dialami oleh manusia apabila menghadapi satu-satu langkah yang membawa perubahan. Kadang kala, walau pun Kerajaan berusaha dengan sungguh-sungguh mengeluarkan wang yang banyak dan menumpukan sepenuh masa untuk mendapatkan perubahan itu, sebaliknya masih ada kalangan rakyat yang tidak mahu membuktikan kesanggupan mereka untuk menolong diri sendiri mengejar taraf hidup yang lebih tinggi.

Dalam keadaan sekarang, masaalah sikap rakyat yang tidak mahu berubah itu selalu dikaitkan kepada kepercayaan lama atau pegangan yang kolot berpunca daripada tafsiran-tafsiran yang tidak tepat mengenai ajaran-ajaran ugama Islam atau pun disebabkan oleh setengah-setengah orang yang tidak bertanggung-jawab semata-mata untuk kepentingan mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Salah dan khilaf memanglah perkara biasa dikalangan manusia. Bukanlah tujuan saya hendak menyalahkan mana-mana pihak tetapi hanya mengingatkan iaitu tafsiran yang tidak tepat mengenai

ajaran-ajaran Islam boleh menyebabkan rakyat menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Hal ini sungguh mendukacitakan kalau sengaja dibuat untuk tujuan-tujuan tertentu. Inilah sebab-sebabnya timbul desakan dari golongan angkatan baru supaya alim ulama mengikut aliran zaman dan menyesuaikan ajaran-ajaran mereka dengan nada pembangunan yang berjalan sekarang ini.

Walaupun begitu, saya juga sedar bahawa kaum alim ulama mengalami kerumitan untuk memberi ajaran yang tepat, disebabkan oleh keadaan sekeliling atau pun disebabkan oleh penerimaan masyarakat tempatan sendiri. Ada kalanya ajaran-ajaran itu merupakan kiasan dan tamsil sahaja yang dijangka mudah difahami oleh rakyat serta sesuai dengan keadaan tempatan tetapi kiasan atau tamsil itu disalah anggap atau salah terima oleh pihak bijakpandai, sekali pun tidak dimaksudkan kepada golongan bijakpandai itu. Pada pandangan saya, salah anggapan seperti itu serta pentafsiran yang tidak tepat adalah faktor-faktor yang lazim memisahkan kaum bijakpandai dengan alim ulama dalam proses pembangunan.

Adalah umum diketahui bahawa golongan pentadbiran kita yang terlatih menurut sistem pendidikan barat dan alim ulama yang terlatih dalam sistem pendidikan ugama mempunyai nilai-nilai perhitungan yang berbeza. Sama ada nilai-nilai itu ada kaitannya dengan kekuasaan (authority) dalam amalan tugas atau pun mengenai pandangan dunia atau akhirat, tiap-tiap seseorang itu teguh menurut asas-asas latihan atau disiplin masing-masing. Kadang kala ini menyebabkan mereka tidak dapat memberikan khidmat untuk memenuhi aspirasi masyarakat dan kehendak zaman kerana dipisahkan oleh nilai-nilai dan perhitungan mereka sendiri.

Pada masa ini pun adalah nyata kepada kita bahawa masih wujud jurang pemisahan antara golongan pentadbir dan alim ulama kita. Dengan itu mereka tidak mungkin berjaya membantu rakyat jelata melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan kongkongan adat-adat lama yang negatif untuk mengejar kemajuan melainkan kedua-dua golongan itu bersatu dan bersama-sama menghadapi masalah masyarakat dengan sebulat tekad menjayakan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan. Saya berharap Kongres ini dapat meneliti dan mengupas perkara ini, mengesan sebab-sebab timbulnya jurang pemisahan ini serta mencadangkan jalan untuk mengatasinya.

Saudara-saudara sekalian,

Semenjak diadakan Kongress Islam pertama dahulu, negara kita telah melangkah jauh kehadapan dalam berbagai lapangan kemajuan. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua yang berjalan sekarang membawa perubahan-perubahan yang diinginkan sesuai dengan Rukunegara dan kepentingan Dasar Ekonomi Baru.

Salah satu dari perubahan yang kita nampak sekarang ini ialah bertambah ramainya belia-belia Melayu dari luar bandar yang mempunyai semangat baru dan berani memasuki lapangan-lapangan perniagaan dan perindustrian. Perkembangan seperti ini bukan sahaja mengandungi erti yang baik kepada negara, terutama dari segi perubahan sikap umat Islam, tetapi juga merupakan satu cabaran kepada golongan pentadbir serta alim ulama kita.

Sementara kita berazam hendak mencapai kejayaan dalam bidang perdagangan dan perindustrian, sudah barang tentu kita tidak dapat mengelakkan masalah-masalah yang lazim timbul dan akibat-akibat buruk daripada perkembangan perindustrian. Dalam kita mengutamakan peranan sains dan teknologi untuk melengkapkan pekerja-pekerja angkatan muda dengan kemahiran dan di samping itu meningkatkan usaha membandariskan kawasan-kawasan luar bandar namun kita tidak dapat menghalang aliran belia-belia dari kampung mencari pekerjaan ke bandar-bandar. Kepada sebahagian belia-belia luar bandar kita, cara tradisional mencari rezeki daripada usaha-usaha pertanian tidak menarik lagi kerana terpengaruh oleh sinar-sinar lampu di bandar-bandar yang penuh dengan berbagai ragam kehidupan.

Dalam melaksanakan dasar hendak menyusun semula masyarakat Malaysia, kita boleh menggembelingkan tenaga belia-belia luar bandar dalam bidang pembangunan demi kepentingan perpaduan negara. Di samping meningkatkan pembangunan dalam sektor pertanian dan perusahaan luar bandar, kita hendaklah juga menjalankan rancangan-rancangan yang boleh meyalurkan tenaga baru itu kepada aliran hidup masyarakat perdagangan dan perindustrian. Dengan cara itu, kita berharap dalam masa yang agak singkat, bentuk atau structure penduduk-penduduk negara ini akan membayangkan keadaan penduduk berbilang kaum; bukan sahaja dari segi taburannya atau population distribution.

mahu pun jenis pekerjaan dan tugas-tugas ekonomi (economic functions) mereka bahkan juga dari segi peringkat-peringkat pekerjaan dan jenis mata pencarian.

Saudara-saudara sekalian,

Dari apa yang saya katakan tadi, maka jelaslah bahawa belia-belia Melayu kita yang bakal menjadi pekerja-pekerja kilang, pejabat dan firma swasta, akan memerlukan panduan dan bimbingan, bukan untuk berjaya mencari nafkah hidup tetapi, yang penting sekali supaya dapat menguasai pengaruh-pengaruh alam sekeliling mereka dengan berpegang teguh pada nilai-nilai hidup menurut ajaran Islam.

Kita sama-sama maklum bahawa belia-belia memerlukan juga bimbingan untuk mengatasi pengaruh-pengaruh kebaratan yang tidak diingini dan konsep kebebasan yang melulu. Belia-belia sekarang merasa bebas daripada kawalan masyarakat (social control) dan meninggalkan tradisi-tradisi yang menghargai semangat bergotong royong, memandang surau dan masjid sebagai pusat membina akhlak dan kekuatan peribadi untuk menentang pengaruh-pengaruh yang merosakkan. Oleh kerana tiada bimbingan, mereka tidak lagi terikat kuat kepada kawalan sosial seperti adat resam masyarakat di mana orang tua-tua imam dan guru-guru memainkan peranan penting menjunjung kepentingan moral dan ugama Islam. Ini bolehlah dianggap sebagai korban mengejar kemodenan.

Keadaan ini tidak dapat dielakkan dengan wujudnya masyarakat yang dipengaruhi oleh kepentingan kebendaan amatlah mustahak belia-belia kita, baik yang di bandar atau pun di luar bandar, mendapat bimbingan yang sesuai dengan keadaan sekarang dan bukan dengan cara lama. Mereka memerlukan nasihat yang realistik dan tepat dengan keadaan hidup mereka iaitu mengenai percampuran, pergaulan, adat tertib dan pekerjaan mereka hari-hari. Hal-hal yang utama seperti masalah perumahan khususnya di kawasan-kawasan sesak atau dalam kelompok berbilang bangsa dan ugama, masalah-masalah perhubungan dan suasana hidup bandar mestilah diketahui masak-masak dan ditimbangkan penuh-penuh sebelum menceburkan diri mereka dalam masyarakat perdagangan dan perindustrian.

Saya merasa perlu diluaskan peranan alim ulama bukan hanya di kawasan-kawasan yang bersuasana kampung bahkan juga di pusat-pusat kemajuan baru seperti rancangan-rancangan tanah serta di kawasan-kawasan di mana pengaruh-pengaruh sistem ekonomi kewangan memainkan peranan yang bertambah pesat. Bagi menghadapi ini, nyatalah kepada kita bahawa alim ulama memerlukan pengertian yang mendalam tentang sistem ekonomi yang beraneka corak atau complex bersabit dengan perdagangan dan perindustrian supaya mereka berjaya mempengaruhi golongan belia yang sudah mula mempunyai identiti baharu akibat perubahan yang dibawa oleh penggunaan sains dan teknologi. Begitu juga kaum alim ulama akan memainkan peranan yang lebih positif, jika mereka dapat mengatasi keadaan yang berkembang dari kemajuan sains dan teknologi dan tidak semata-mata membuat teguran atau kecaman mengenai perkara-perkara itu tanpa memahami masalah-masalah itu dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Masalah-masalah yang bersabit dengan masyarakat yang dipengaruhi oleh sistem ekonomi kewangan seperti masyarakat perdagangan dan perindustrian perlu difahami sedalam-dalamnya oleh golongan alim ulama supaya mereka memberikan bimbingan yang lebih berkesan untuk membolehkan rakyat mengecap kemewahan dari kemajuan itu sebagai makhluk Allah yang sempurna.

Saya bercadang membentuk satu badan yang terdiri dari golongan-golongan pentadbir dan ulama. Tugas utama badan ini ialah untuk meneliti masalah-masalah yang dialami oleh belia-belia Melayu yang semakin bertambah ramai masuk ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian supaya belia-belia kita dapat dibimbing menurut landasan yang membawa perimbangan antara kepentingan jasmani dan keistimewaan rohani.

Badan ini akan bertempat di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh pakar-pakar daripada Majlis Ugama Islam Kebangsaan, Pusat Penyelidikan Islam, alim ulama, ahli-ahli dakwah Islam serta pentadbir-pentadbir yang ada hubungan dengan masalah-masalah perindustrian. Sebagai permulaan, badan ini akan menitikberatkan penyelidikan-penyelidikan mengenai pengaliran belia-belia luar bandar bekerja di kilang-kilang perusahaan dan

lain-lain di bandar-bandar. Saya yakin masaalah yang kita hadapi itu dapat diteliti sedalam-dalamnya dan satu rancangan tindakan dapat disusun untuk dilaksanakan selanjutnya.

Dengan harapan agar Kongres ini akan menghasilkan rumusan-rumusan yang dapat menjadi panduan kepada Kerajaan dalam melaksanakannya untuk bangsa dan negara, saya dengan amat sukacitanya merasmikan Kongres ini.